

*Himpunan
Keputusan*
FATWA

Negeri Pulau Pinang

Tahun
2001–2005

Cetakan Keempat: 2016



Hakcipta terpelihara:

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian penerbitan ini dalam apa jua bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa cara, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan daripada Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.

Susunan:


Bahagian Fatwa
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
<http://mufti.penang.gov.my>

Diterbit oleh:

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
Tingkat 48, KOMTAR,
10000 Pulau Pinang.
Tel: 04-2632975
Faksimili: 04-2632985

Rekabentuk /Urus Cetak
BAHA DESIGN & ADVERTISING

HIMPUNAN FATWA TAHUN 2001



• Isu Haron Dass Bin Abdullah Yang Telah Dikebumikan Di Perkuburan Kristian Nibong Tebal	1
• Isu Akuan Haram 4 Buah Buku Penerbitan Yang Diharamkan Oleh Jawatankuasa Penapisan Bahan-Bahan Penerbitan Berunsur Islam, JAKIM	1

HIMPUNAN FATWA TAHUN 2002




• Cadangan Merobohkan Dan Membina Semula Masjid Bagan Dalam, Butterworth	4
• Cadangan Mengambil Balik Tanah Di Atas Sebahagian Tanah Wakaf Lot 279, 962, Seksyen 311, 2210, 2289, Seksyen 6, Bandar Georgetown	4
• Permohonan Melaksanakan Solat Jumaat Di Masjid Baharu Qaryah Kepala Gajah, Seberang Perai Selatan	5
• Cadangan Mendirikan Solat Jumaat Sementara Di Surau Sek. Men. Teknik Seberang Perai, Bukit Minyak, Bukit Mertajam	5
• Cadangan Pengambilan Balik Tanah Wakaf Di Sebahagian Lot 936, G.M. 238, Mk. 16, SPU Seluas 5000 Kaki Persegi Untuk Tujuan Awam -Pemasangan Lampu Isyarat	6
• Cadangan Menambun Tanah Perkuburan Sungai Kayu Mati, Sungai Nibong Kecil, Daerah Timur Laut	6
• Rayuan Pengecualian Penyediaan Tapak Masjid Untuk Cadangan Membangunkan Perumahan Di Atas Lot 307 (PLOT 3) Lot Lama 146, 151, 163, Seksyen 2, Bandar Butterworth	7
• Ajaran Meragukan Di Permatang Kerai Besar, Kepala Batas	8
• Pembelian Kenderaan Untuk Kegunaan Pejabat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang Dan Jabatan Agama Islam Pulau Pinang	9
• Pengwujudan Qaryah Masjid Kampung Rawa, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	9

• Permohonan Mendirikan Solat Jumaat Sementara Di Surau Taman Pauh Jaya, Bukit Mertajam.	10
• Cadangan Untuk Meruntuhkan Masjid Lama, Mendirikan Masjid Baru Di Tapak Lama, Mendirikan Solat Jumaat Sementara Di Bangunan Sementara Dan Kaedah Pengurusan Bahan-Bahan Runtuhan	10
• Cadangan Pengambilan Balik Tanah Wakaf Sebahagian Lot 315, GM 710, 316, 717, GM 284 Dan 2006, Mk. 16, SPU Untuk Tujuan Awam - Projek Tebatan Banjir, Sungai Perai	11
• Permohonan Fatwa Mengenai Status Premis-Premis Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang Beralamat Di No. 40 Dan 40-A Jalan Lim Eow Thoon, Pulau Pinang	11
• Cadangan Merobohkan Madrasah Rahmaniah KTMB Di Atas Sebahagian Lot 77, Bandar Perai, Seberang Perai Tengah	12
• Permohonan Kebenaran Merobohkan Masjid Jamek Pulau Betong, Balik Pulau	13
• Permohonan Kebenaran Merobohkan Masjid Jamek Kg. Paya Simpang Empat, Balik Pulau	13
• Mengubah Dan Menyatukan Tapak Masjid Sedia Ada Untuk Cadangan Pembangunan Bercampur Di Atas Lot- Lot 2083 Dan 2085, Mukim 6, Bertam, Kepala Batas, SPU (Taman Bertam Putra) Dengan Tapak Masjid Taman Bertam Perdana Mukim 6, Kepala Batas, SPU	14
• Cadangan Pembangunan Maahad Al- Mashoor Al-Islami Di Atas Lot 100 Dan 103, Mk. G, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	14
• Hukum Solat Jumaat Di Luar Qaryah Tanpa Sebab	15

• Kebenaran Meroboh Masjid Jamek Pmtg. Tok Jaya, Butterworth	16
• Cadangan Pecah Qaryah Masjid Lama Sungai Bakap Dan Masjid Baru Sungai Bakap	16

HIMPUNAN FATWA TAHUN 2003



• Cadangan Untuk Mendirikan Solat Jumaat Sementara Di Surau Pulau Jerjak, Sungai Nibong, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	18
• Rayuan Tidak Membina Bangunan Surau Di Atas Tapak Berasingan (Surau) Dibina Di Bawah Bangunan Bagi Cadangan Pemajuan Projek-Projek PPR Di Atas Tapak Sebahagian Tanah Kerajaan Seksyen 3, Butterworth, Ampang Jajar, Seberang Perai Utara	18
• Meroboh Dan Membina Semula Masjid Kuala Muda, Seberang Perai Utara	19
• Menerima Dan Menggunapakai Garis Panduan Anak Tak Sah Taraf : Penamaan, Pergaulan Dan Hak-Haknya	19
• Pemindahan Sebuah Kubur Atas Lot PT 28 (Lot Lama 496) Mukim 16, Seberang Perai Utara	20
• Pengambilan Balik Tanah Wakaf Lot 496, GM 121, Mukim 16, Seberang Perai Utara Seluas 1.131 Ekar Oleh Perda Untuk Tujuan Pembangunan Kampung Teluk, Sungai Dua, SPU	20
• Pembelian Premis-Premis Zakat, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang Di No. 40 Dan 40-A, Jalan Lim Eow Thoon, Pulau Pinang	21
• Permohonan Solat Jumaat Sementara Di Kampus Tetap Universiti Teknologi Mara (UiTM), Cawangan Pulau Pinang	22
• Kedudukan Makam Saidina Kaful Ali Bagi Pembinaan Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) Di Kawasan Jalan Jasselton, Pulau Pinang	22

• Isu Penjualan Pasir/Tanah Di Tapak Pembinaan Maahad Mashoor Islami, Balik Pulau, Pulau Pinang	23
• Cadangan MAINPP Untuk Membayar Balik Pinjaman Menggunakan Peruntukan Kewangan Daripada Akaun Tawaquf Di Bawah Pentadbiran Pusat Urus Zakat	24
• Pengharaman Buku-Buku Tulisan Saudara Rasul Dahri Yang Telah Diperakui Haram	24
• Penangguhan Sembahyang Di Masjid Alimsah Waley, Lebuhr Chulia, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	25
• Cadangan Mendahulukan Wang Tawaquf MAINPP Bagi Menampung Peruntukan Kerajaan Negeri Untuk Melaksanakan Projek-Projek Pembangunan Yang Dibiayai Bersama Oleh Kerajaan Negeri Dan Persekutuan	25
• Rayuan Membina Surau Di Bawah Bangunan Pangsapuri Untuk Cadangan Pemajuan Bagi Projek-Projek PPR Di Atas Tapak Sebahagian Tanah Kerajaan Seksyen 3, Bandar Butterworth, Ampang Jajar, Seberang Perai Utara Untuk Tetuan Kerajaan Negeri Pulau Pinang	26
• Pengecualian Menyediakan Tapak Masjid Seluas 2 Ekar Dan Digantikan Dengan Tapak Surau Seluas 15,026.37 Kaki Persegi Serta Bangunan Dan Sumbangan Tunai (Mengikut Nilai Semasa) Bagi Gantian Tapak Masjid Seluas 72,093.63 Kaki Persegi Bagi Cadangan Perumahan Yang Terdiri Daripada 975 Unit Kediaman Pelbagai Di Atas Lot-Lot 472, 481, 482, 492, 523, 1396, 1397, 1408, 1411, 1412, 1921, 1931-1933, 2248, 2249, Sebahagian Lot 473, 477, 1404, 1407, 1923, 1930, Mukim 6, SPT, Pulau Pinang Untuk Tetuan Benar Prima Resources Sdn. Bhd	27
• Cadangan Mendirikan Solat Jumaat Sementara Di Surau Batalion Ke 2, Rejimen Askar Melayu Diraja, Kem Sungai Ara, Bayan Lepas, Pulau Pinang	28

HIMPUNAN FATWA TAHUN 2004



• Status Tanah Lot 25, Mk. 1, Seberang Perai Tengah (Tanah Perkuburan Lama Masjid Timah)	30
• Status Tapak Masjid Timah Lot 559, Mk. 6, Seberang Perai Tengah	31
• Baikpulih Bangunan Masjid Lama Kampung Batu Uban, Pulau Pinang	31
• Mengadakan Solat Jumaat Setiap Minggu Di Masjid Melayu Dan Masjid Kapitan Keling	32
• Rayuan Pengecualian Tapak Masjid Seluas 3.5 Ekar Bagi Pembangunan Yang Mengandungi 3639 Unit Kediaman Di Atas Sebahagian Lot 282 Di Batu Kawan, Mk. 13, Daerah Seberang Perai Selatan Oleh Abad Naluri Sdn. Bhd.	32
• Permohonan Mendirikan Solat Jumaat Sementara Di Institusi Kemahiran Belia Negara, Bukit Mertajam, SPT	33
• Meroboh Dan Membina Semula Masjid Jamek Sungai Pinang, Daerah Timur Laut	33
• Meroboh Dan Membina Semula Masjid Jamek Ar-Rahmah, Batu Feringghi, Daerah Timur Laut	34
• Penentuan Jenis Wakaf Tanah Lot 1065, Mk. 4, Seberang Perai Tengah	35
• Status Tanah Yang Digunakan Aktiviti Keagamaan (Masjid, Surau, Tanah Perkuburan Dan Sekolah Agama) Yang Tidak Mempunyai Dokumen Atau Sighah	35
• Perpindahan Tanah Perkuburan Lot 25, Mk.1, Spt (Tanah Perkuburan Lama, Masjid Timah)	37

• Mengadakan Solat Jumaat Secara Bergilir Antara Masjid Kg. Paya Dan Masjid Daerah Barat Daya	37
• Permasalahan Pembinaan Dewan Masyarakat Yang Didakwa Terbina Di Atas Perkuburan Lama, Kg. Makam	38
• Cadangan Untuk Mengadakan Solat Jumaat Sementara Di Surau Desa Baiduri, Daerah Timur Laut.	39
• Meroboh Dan Membina Semula Masjid Telaga Air, Butterworth.	40
• Isu Pembinaan Di Atas Perkuburan Di Tanah Perkuburan Lebai Deraman, Tanah Liat, Bukit Mertajam, SPT	41
• Rayuan Meroboh Dan Membina Semula Masjid Jamek Pekan Darat, Daerah Seberang Perai Utara	42
• Cadangan Penubuhan Qaryah Taman Bertam, Kepala Batas, Seberang Perai Utara	42
• Rayuan Pembinaan Masjid Pekan Darat Di Atas Lot 1774, Mukim 7, Seberang Perai Utara	43
• Permohonan Untuk Meroboh Sebahagian Dari Balai Lintang Dan Membina Semula Balai Tersebut Di Masjid Jamek Permatang Keriang, Penaga, Seberang Perai Utara	44
• Rayuan Pengecualian Pembinaan Surau Secara Fizikal Bagi Pembangunan Yang Mengandungi 61 Unit Pangsapuri Mewah Dan 2 Unit Townhouse Di Atas Lot 1252, Sek.4, DTL, Georgetown, Pulau Pinang Oleh Ikatan Awana Sdn. Bhd.	44

• Rayuan Permohonan Surat Sokongan Untuk Keluaran Sijil Layak Menduduki Bagi Kerja-Kerja Telah Dijalankan Untuk Pelan Pindaan Kepada (Rujukan Kepada Pelan Kelulusan No.35261 Bertarikh 18 Disember 1998) Sebuah Rumah Pangsa Jenis Kos Sederhana (700 K.P Seunit) 96 Unit Yang Setinggi 10 Tingkat Di Atas Lot 595, Sek.2, DTL, Pulau Pinang Oleh Tetuan Libin (Penang) Sdn. Bhd	45
• Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Mendirikan Rumah Teres 3 Tingkat (33 Unit) Dan 1 Blok Pangsapuri 18 Tingkat (60 Unit) Di Atas Lot 1265, 1266 Dan Sebahagian Lot 1267, Mukim 13, DTL, Pulau Pinang Oleh Tetuan Aurora Properties Sdn. Bhd.	46
• Rayuan Pengecualian Penyerahan Tapak Surau Dan Pengecualian Bayaran Sumbangan Kewangan Untuk Bangunan Surau Bagi Pembangunan 9 Unit 2 Tingkat Rumah Teres Di Atas Lot 783 Dan Cadangan Skim Perumahan Yang Mengandungi 44 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Dan 18 Unit (Rumah Pangsa) Di Atas Lot 243, Mukim 11, Jalan Sungai Batu, Daerah Balik Pulau, Pulau Pinang Oleh Tetuan Kota Wira Indah Sdn. Bhd.	46

HIMPUNAN FATWA TAHUN 2005



• Cadangan Pemasangan Stesyen Pemancar Celcom Di Menara Masjid Tengah, Jalan Berapit, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah.	49
• Permohonan Untuk Mendirikan Solat Jumaat Sementara Di Surau Kem Syuruz, Seberang Perai Tengah, Bukit Mertajam	49
• Permohonan Untuk Meroboh Dan Membina Banggungan Tambahan Masjid Sungai Burung, Balik Pulau, Pulau Pinang	50
• Cadangan Penetapan Kadar Zakat Tanaman (Padi)	50
• Permohonan Untuk Mendirikan Tadika Islam Di Atas Tanah Wakaf Lot 121, Mukim 7, Seberang Perai Utara.	51
• Cadangan Menggunapakai Tanah-Tanah Dan Bangunan “RESERVE” Surau / Masjid Untuk Lain-Lain Kegunaan.	52
• Rayuan Mengadakan Solat Jumaat Sementara Di Pusat Islam, Politeknik Seberang Perai Tengah	52
• Mohon Penjelasan Mengenai Isu Wanita Yang Dalam Keadaan Haid, Hadir Mendengar Ceramah Agama Dalam Masjid Atau Di Balai Lintang.	53
• Bayaran Balik Baki Wang Pinjaman Berjumlah RM5,310,017.36 Kepada JKP Sdn. Bhd. Menggunakan Peruntukkan Daripada Akaun Tawaquf	53
• Cadangan Menggunakan Wang Tawaquf Bagi Pembelian Tanah Lot. 3800 Dan 3801, Mukim 12, Seberang Perai Utara Untuk Dijadikan Sebagai Aset Wakaf Melalui Sumber Dan Dana Wakaf	54

• Permohonan Untuk Meroboh Dan Membina Semula Bangunan Dua Tingkat Masjid Jamek Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara	55
• Cadangan Memindahkan Tanah Kubur (Dua Kubur) Yang Terletak Di Atas Lot No. 322, Mukim G, Kampung Terang, Balik Pulau, Pulau Pinang	55
• Cadangan Untuk Menubuhkan Qaryah Baru, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	56
• Permohonan Untuk Mendirikan Sekolah Agama Rakyat Di Atas Tanah Wakaf Lot 1323, Mukim 14, Seberang Perai Tengah	56
• Amalan Sembahyang Terawih Empat Rakat Satu Salam	57
• Rayuan Pengecualian Pembinaan Surau Secara Fizikal Dan Pengurangan Kadar Sumbangan Kepada MAINPP Atas Kos Pembangunan Surau Dari RM42,000.00.	57
• Pembentangan Semula Cadangan Penyediaan Masjid Dan Surau, Batu Kawan, Mukim 13, Daerah Seberang Perai Selatan Oleh PDC	58
• Memohon Kebenaran Melaksanakan Solat Jumaat Di Qaryah Masjid Baru Sungai Bakap Dan Masjid Sungai Bakap, Seberang Perai Selatan	59
• Penjadualan Solat Jumaat Oleh High Ace Industries Sdn. Bhd	59
• Rayuan Pembayaran Sumbangan Daripada RM54,120.00 Kepada RM10,000.00 Oleh Pemaju Kota Wira Indah Sdn. Bhd. Bagi Cadangan Pembangunan 9 Unit Rumah Teres Atas Lot 738 Dan 44 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Dan 16 Unit Rumah Pangsa Di Atas Lot 243	60



*Himpunan
Keputusan*
FATWA

Negeri Pulau Pinang

Tahun
2001

ISU HARON DASS BIN ABDULLAH YANG TELAH DIKEBUMIKAN DI PERKUBURAN KRISTIAN NIBONG TEBAL

Keputusan

Sebelum tindakan diambil terhadap perkuburan Haron Dass mesyuarat memutuskan tiga perkara sebagai tindakan awal yang perlu dilaksanakan iaitu :-

1. Keislaman Haron Dass hendaklah dibuktikan.
2. Sumbangkan sedikit kewangan kepada masjid qaryah tempat Haron Dass tinggal supaya dibuat kenduri arwah untuknya.
3. Kuburnya hendaklah dipindahkan ke perkuburan Islam.

(Februari 2001)

ISU AKUAN HARAM 4 BUAH BUKU PENERBITAN YANG DIHARAMKAN OLEH JAWATANKUASA PENAPISAN BAHAN- BAHAN PENERBITAN BERUNSUR ISLAM, JAKIM

Keputusan

1. Mesyuarat bersetuju memperakukan haram bagi 4 buah buku tersebut iaitu :-
 - i. Hakikat Sembahyang, Imam Al-Soufi tahun 1994 (m.s. 108)
 - ii. Kumpulan Ilmu Ghaib, Al-Aufaq terjemahan Ustaz Masoap Suhaimi tahun 1984 (m.s. 152)

- iii. Nur Muhammad, Terjemahan Abdul Ghoni Asyukur, Tahun 1992 (m.s. 192)
 - iv. Ahlul Sunnah dan Syiah sebenarnya Kristian, oleh Abdullah Muhammad, Terbitan: Pusat Tarbiyah Hisbullah, Darul Bait.
2. Mesyuarat juga memutuskan supaya pengharamannya hendaklah difatwakan dan diwartakan.

(Februari 2001)

Himpunan
Keputusan
FATWA

Negeri Pulau Pinang

Tahun
2002

CADANGAN MEROBOKKAN DAN MEMBINA SEMULA MASJID BAGAN DALAM, BUTTERWORTH

Keputusan

1. Mesyuarat membuat keputusan iaitu membenarkan pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia merobokkan Masjid Bagan Dalam, Butterworth dan membina semula masjid yang baharu di tapak yang sama dan tapak yang baru diambil balik oleh kerajaan.
2. Mesyuarat juga mencadangkan agar pihak pemaju kepada projek ini dapat mengemukakan plan pembinaan bangunan masjid dua tingkat dan asas yang mampu menanggung beban tiga tingkat.

(30 April 2002)

CADANGAN MENGAMBIL BALIK TANAH DI ATAS SEBAHAGIAN TANAH WAKAF LOT 279, 962 SEKSYEN 311, 2210, 2289 SEKSYEN 6 BANDAR GEORGETOWN

Keputusan

1. Mesyuarat bersetuju untuk meluluskan cadangan pengambilan tanah wakaf yang terlibat dengan projek tebatan banjir Sungai Pinang Fasa 2 oleh pihak berkuasa negeri.
2. Mesyuarat juga memberi pandangan agar pihak majlis dapat menggunakan wang pampasan pengambilan balik tanah

wakaf ini untuk tujuan membangunkan tanah-tanah wakaf di Pulau Pinang dan hasilnya hendaklah dikembalikan kepada tujuan asal tanah wakaf yang diambil balik itu mengikut sahamnya.

(30 April 2002)

PERMOHONAN MELAKSANAKAN SOLAT JUMAAT DI MASJID BARU QARYAH KEPALA GAJAH, SEBERANG PERAI SELATAN

Keputusan

Mesyuarat bersetuju untuk membenarkan anak-anak qaryah Masjid Kepala Gajah menunaikan fardu solat Jumaat di masjid baru dan mesyuarat juga mengharapkan agar pihak AJK Qaryah Masjid Kepala Gajah dapat memakmurkan dan bertanggungjawab terhadap masjid lama.

(30 April 2002)

CADANGAN MENDIRIKAN SOLAT JUMAAT SEMENTARA DI SURAU SEK.MEN. TEKNIK SEBERANG PERAI, BUKIT MINYAK, BUKIT MERTAJAM

Keputusan

Mesyuarat bersetuju untuk membenarkan solat Jumaat sementara didirikan di Surau Sek. Men. Teknik Seberang Perai, Bukit Minyak, Bukit Mertajam.

(30 April 2002)

CADANGAN PENGAMBILAN BALIK TANAH WAKAF DI SEBAHAGIAN LOT 936, G.M. 238, MK. 16, SPU SELUAS 5000 KAKI PERSEGI UNTUK TUJUAN AWAM-PEMASANGAN LAMPU ISYARAT

Keputusan

1. Mesyuarat bersetuju untuk membenarkan pengambilan balik tanah wakaf seluas 5000 kaki persegi bagi maksud tujuan awam.
2. Mesyuarat berpandangan bahawa nilai pampasan RM 14.00 sekaki persegi adalah tidak berpatutan dengan nilai semasa. Justeru, mesyuarat mencadangkan agar pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) meminta Jabatan Penilaian Harta untuk mengkaji semula kadar nilai yang berpatutan bagi tapak tersebut.

(30 April 2002)

CADANGAN MENAMBUN TANAH PERKUBURAN SUNGAI KAYU MATI, SUNGAI NIBONG KECIL, DAERAH TIMUR LAUT

Keputusan

1. Mesyuarat mengambil maklum bahawa cadangan menambun tanah akan melibatkan penambunan pada ketinggian 6 kaki tinggi akan melibatkan kawasan-kawasan yang rendah yang selalu dilanda banjir apabila hujan turun.

2. Mesyuarat sebulat suara membenarkan bagi cadangan menambun tanah perkuburan dan kerja-kerja pembinaan tembok bagi menghalang hakisan di kawasan-kawasan tambunan.

(30 April 2002)

RAYUAN PENGECUALIAN PENYEDIAAN TAPAK MASJID UNTUK CADANGAN MEMBANGUNKAN PERUMAHAN DI ATAS LOT 307 (PLOT 3) LOT LAMA 146, 151, 163, SEKSYEN 2 BANDAR BUTTERWORTH

Keputusan

1. Pihak Pemaju bersetuju untuk mengubahsuai pelan pembangunan perumahan dari 900 unit rumah kepada hanya 892 unit rumah. Pihak pemaju akan menyediakan sebuah surau seluas 3500 kaki persegi atas nama MAINPP.
2. Pihak Pemaju juga akan mengambil kira pandangan-pandangan dan akan membuat pengubahsuaian berhubung plan pembinaan dengan meletakkan bangunan Surau di tempat yang strategik iaitu di kawasan tengah antara bangunan dan bukannya di pinggirannya sebagaimana yang terdapat dalam plan.

3. Pihak pemaju juga telah berjanji untuk menyediakan tapak masjid bagi kawasan perumahan ini.

(13 Jun 2002)

AJARAN MERAGUKAN DI PERMATANG KERAI BESAR, KEPALA BATAS

Keputusan

Mesyuarat juga telah dimaklumkan bahawa beberapa keputusan telah diambil :

1. Mengambil tindakan atas kesalahan mengajar tanpa tauliah, sebagaimana yang telah diperuntukan dalam Seksyen 11 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996.
2. Memohon kepada pihak Penguatkuasa JAIPP mengeluarkan Surat Saman seterusnya meminta Waran Geledah daripada Mahkamah Syariah bagi tujuan tersebut.

(13 Jun 2002)

PEMBELIAN KENDERAAN UNTUK KEGUNAAN PEJABAT MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG DAN JABATAN AGAMA ISLAM PULAU PINANG

Keputusan

Mesyuarat sebulat suara memutuskan dengan tidak membenarkan penggunaan sumber zakat bagi maksud pembelian ini kerana sumber-sumber rujukan dan pandangan-pandangan ulama (kitab) muktabar masa kini jelas menyatakan tidak membenarkannya.

(13 Jun 2002)

PENGWUJUDAN QARYAH MASJID KAMPUNG RAWA, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG

Keputusan

Mesyuarat bersetuju dengan pengwujudan qaryah, seterusnya mewujudkan Qaryah Masjid Kampung Rawa, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.

(13 Jun 2002)

PERMOHONAN MENDIRIKAN SOLAT JUMAAT SEMENTARA DI SURAU TAMAN PAUH JAYA, BUKIT MERTAJAM.

Keputusan

Mesyuarat bersetuju membenarkan ahli jemaah tersebut boleh mendirikan solat Jumaat sementara di Surau Taman Pauh Jaya, Bukit Mertajam.

(13 Jun 2002)

CADANGAN UNTUK MERUNTUHKAN MASJID LAMA, MENDIRIKAN MASJID BARU DI TAPAK LAMA, MENDIRIKAN SOLAT JUMAAT SEMENTARA DI BANGUNAN SEMENTARA DAN KAEDAH PENGURUSAN BAHAN-BAHAN RUNTUHAN

Keputusan

Ahli-ahli Mesyuarat bersetuju dan membenarkan Masjid Lama Guar Perahu, Bukit Mertajam dirobohkan dan didirikan Masjid baru di atas tapak masjid lama setelah mana masjid lama diruntuhkan serta membenarkan anak-anak Qaryah Masjid Guar Perahu, Bukit Mertajam mendirikan solat Jumaat di sebuah bangunan sementara.

(13 Jun 2002)

**CADANGAN PENGAMBILAN BALIK TANAH WAKAF SEBAHAGIAN
LOT 315, GM 710, 316, 717, GM 284 DAN 2006, MUKIM 16 SPU
UNTUK TUJUAN AWAM - PROJEK TEBATAN BANJIR, SUNGAI
PERAI**

Keputusan

Mesyuarat bersetuju dengan pengambilan balik tanah ini oleh pihak berkuasa bagi tujuan kepentingan awam dan memberikan harga penilaian tanah tersebut kepada MAINPP.

(13 Jun 2002)

**PERMOHONAN FATWA MENGENAI STATUS PREMIS-PREMIS
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG BERALAMAT
DI NO. 40 DAN 40-A JALAN LIM EOW THOON, PULAU PINANG**

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah telah memutuskan agar hasil kutipan sewa bagi premis-premis ini hendaklah dimasukkan dalam Akaun Tabung Zakat memandangkan pembelian asal adalah seperti menggunakan sumber zakat dan bukannya Baitul Mal sebagaimana amalan sekarang.

(13 Jun 2002)

CADANGAN MEROBOHKAN MADRASAH RAHMANIAH KTMB DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 77, BANDAR BARU PERAI, SEBERANG PERAI TENGAH

Keputusan

Mesyuarat bersetuju untuk membenarkan pihak KTMB melalui pemajunya iaitu Prima Perai Sdn. Bhd. untuk merobohkan Surau Rahmaniah KTMB di atas sebahagian Lot 77, Bandar Perai, SPT kerana :

1. Tiada bukti bertulis (rekod) yang menunjukkan tanah ini adalah tanah wakaf.
2. Pihak Prima Perai Sdn. Bhd. akan membina dan menyediakan surau seluas 2686 kp di bawah Pangsapuri KTMB bagi menggantikan surau lama berukuran 2655 kp. Dengan kos dianggarkan RM120,000.00 dan ;
3. Ahli Jawatankuasa Madrasah Rahmaniah KTMB telah pun bersetuju dengan cadangan menggantikan ruang surau dan kelas Fardhu Ain ke tapak dan keluasan yang diberikan oleh pihak KTMB dan Prima Perai Sdn. Bhd

(13 Jun 2002)

PERMOHONAN KEBENARAN MEROBOHKAN MASJID JAMEK PULAU BETONG, BALIK PULAU

Keputusan

1. Mesyuarat Jawatankuasa Syariah bersetuju dengan cadangan untuk merobohkan Masjid Jamek Pulau Bentong, Balik Pulau, bagi tujuan mendirikan masjid baru di atas tapak masjid lama.
2. Mesyuarat juga memberi kebenaran untuk anak-anak qaryah masjid berkenaan mendirikan solat Jumaat sementara di surau Pulau Betong, Balik Pulau selama kerja-kerja pembinaan masjid baru dijalankan.

(30 September 2002)

PERMOHONAN KEBENARAN MEROBOHKAN MASJID JAMEK KG. PAYA SIMPANG EMPAT, BALIK PULAU

Keputusan

1. Mesyuarat bersetuju cadangan untuk merobohkan Masjid Jamek Kg. Paya, Simpang Empat, Balik Pulau, bagi tujuan mendirikan masjid baru di atas tapak masjid lama.
2. Mesyuarat juga memberi kebenaran untuk anak-anak qaryah masjid berkenaan mendirikan solat Jumaat sementara di surau Sek. Men.Teknik, Balik Pulau selama kerja-kerja pembinaan masjid baru dijalankan.

(30 September 2002)

MENGUBAH DAN MENYATUKAN TAPAK MASJID SEDIA ADA UNTUK CADANGAN PEMBANGUNAN BERCAMPUR DI ATAS LOT-LOT 2083 DAN 2085, MUKIM 6, BERTAM, KEPALA BATAS, SPU (TAMAN BERTAM PUTRA) DENGAN TAPAK MASJID TAMAN BERTAM PERDANA MUKIM 6, KEPALA BATAS, SPU

Keputusan

Mesyuarat bersetuju dan membuat keputusan seperti berikut:-

1. Bersetuju menerima sebidang tanah seluas 14 ekar untuk tapak masjid.
2. Mengekalkan tapak masjid sedia ada seluas 5 ekar dalam cadangan pembangunan oleh pemaju Bandar Kepala Batas Sdn. Bhd. yang telah diluluskan oleh MPSP.

(30 September 2002)

CADANGAN PEMBANGUNAN MAAHAD AL-MASHOOR AL-ISLAMI DI ATAS LOT 100 DAN 103, MUKIM G, DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah, Majlis Agama Islam Pulau Pinang telah membuat keputusan seperti berikut:-

1. Bersetuju dengan cadangan pembangunan Maahad Al-Mashoor Al-Islami di atas Lot 100 dan 103 Mk. G. Daerah Barat Daya.

2. Bersetuju dengan status tanah di Lot 100 dan 103 Mk. G. Daerah Barat Daya adalah sebagai tanah wakaf Al-Mashoor (Wakaf Istibdal) selaras dengan syarat khas Tanah, Geran No Pendaftaran 17080 yang didaftarkan pada 25 Julai 1986.
3. Mesyuarat juga bersetuju dengan Syarat-syarat Khas Hakmilik Sementara di bawah tajuk syarat nyata yang menyatakan :-
 - i. Tanah yang diberi milik ini hendaklah digunakan untuk tujuan Pendidikan/ Kesihatan/ Kebajikan sahaja, atau
 - ii. Tanah yang diberi milik ini hendaklah digunakan untuk tujuan kediaman sahaja, atau
 - iii. Tanah yang diberi milik ini hendaklah digunakan untuk tujuan perniagaan sahaja, atau
 - iv. Bersetuju dengan kaedah pembangunan secara “Built, Operate and Transfer” (BOT).

(30 September 2002)

HUKUM SOLAT JUMAAT DI LUAR QARYAH TANPA SEBAB

Keputusan

Mesyuarat membuat keputusan seperti berikut :

1. Membenarkan anak qaryah menunaikan solat Jumaat di luar qaryah tanpa sebab.

2. Kebenaran ini tidak sampai ke peringkat mencatatkan solat Jumaat dengan sebab kekurangan para jemaah di qaryah tersebut.

(30 September 2002)

KEBENARAN MEROBOH MASJID JAMEK PMTG. TOK JAYA, BUTTERWORTH

Keputusan

Mesyuarat membenarkan :

1. Meroboh dan membina semula Masjid Jamek Pmtg. Tok Jaya Butterworth
2. Mendirikan solat Jumaat sementara di Sekolah Agama Rakyat Addiniyah Pmtg. Tok Jaya.

(30 September 2002)

CADANGAN PECAH QARYAH MASJID LAMA SUNGAI BAKAP DAN MASJID BARU SUNGAI BAKAP

Keputusan

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah, Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP) telah membuat keputusan tidak membenarkan pemecahan Qaryah Masjid Lama Sungai Bakap setelah mengambil kira semua aspek dan prinsip *masalah* umum dan keutamaan perpaduan anak-anak qaryah.

(30 September 2002)



CADANGAN UNTUK MENDIRIKAN SOLAT JUMAAT SEMENTARA DI SURAU PULAU JERJAK, SUNGAI NIBONG, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG

Keputusan

1. Mesyuarat bersetuju menerima cadangan tersebut disebabkan oleh jumlah penduduk yang bertambah dan ruang Masjid Sungai Nibong Besar yang sempit.
2. Mesyuarat bersetuju untuk membenarkan solat Jumaat sementara di surau berkenaan.

(1 April 2003)

RAYUAN TIDAK MEMBINA BANGUNAN SURAU DI ATAS TAPAK BERASINGAN (SURAU) DIBINA DI BAWAH BANGUNAN BAGI CADANGAN PEMAJUAN PROJEK-PROJEK PPR DI ATAS TAPAK SEBAHAGIAN TANAH KERAJAAN SEKSYEN 3, BUTTERWORTH, AMPANG JAJAR, SEBERANG PERAI UTARA

Keputusan

1. Mesyuarat bersetuju supaya surau hendaklah dibina di atas tapak yang berasingan selaras dengan Garis Panduan Tempat Ibadat Islam, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).
2. Mesyuarat bersetuju supaya tidak meluluskan permohonan rayuan dikecualikan daripada membina surau di atas tapak

yang berasingan bagi cadangan pemajuan projek PPR di atas tapak sebahagian tanah kerajaan seksyen 3, Bandar Butterworth, Ampang Jajar, Seberang Perai Utara.

(1 April 2003)

MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA MASJID KUALA MUDA, SEBERANG PERAI UTARA

Keputusan

1. Mesyuarat bersetuju untuk meroboh dan membina semula kerana tidak mampu menampung pertambahan anak qaryah pada masa ini.
2. Mesyuarat bersetuju memberi kebenaran solat Jumaat sementara dilakukan di tapak sementara selama kerja pembinaan dijalankan.

(1 April 2003)

MENERIMA DAN MENGGUNAPAKAI GARIS PANDUAN ANAK TAK SAH TARAF : PENAMAAN, PERGAULAN DAN HAK-HAKNYA

Keputusan

Mesyuarat bersetuju menerima dan menggunakan Garis Panduan ini, kerana telahpun diputuskan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia pada 23 Januari 2003 yang lalu dan Panel Kajian Syariah, JAKIM.

(1 April 2003)

**PEMINDAHAN SEBUAH KUBUR ATAS LOT PT. 28 (LOT LAMA 496)
MUKIM 16, SEBERANG PERAI UTARA**

Keputusan

Mesyuarat telah membuat keputusan bersetuju dan membenarkan pemindahan kubur tersebut dilakukan atas tujuan pembangunan oleh pihak PERDA.

(16 Jun 2003)

**PENGAMBILAN BALIK TANAH WAKAF LOT 496, GM 121, MUKIM 16,
SEBERANG PERAI UTARA SELUAS 1.131 EKAR OLEH PERDA UNTUK
TUJUAN PEMBANGUNAN KAMPUNG TELUK, SUNGAI DUA, SPU**

Keputusan

Mesyuarat telah membuat keputusan iaitu :

1. Tanah tersebut adalah wakaf di segi Hukum Syarak.
2. Pengambilan balik tanah tersebut oleh PERDA untuk kepentingan awam dengan membayar pampasan mengikut kadar yang ditentukan oleh Pihak Jabatan Penilaian adalah dibenarkan dalam Islam.
3. Wang pampasan yang diterima oleh pemegang-pemegang amanah berkenaan hendaklah membeli mana-mana harta yang menghasilkan faedah bagi kegunaan umat Islam (Istibdal).

4. Wang pampasan yang dibahagikan kepada tujuh orang keturunan mereka tersebut adalah tidak sah kerana mengikut surat amanah “Trust Deed 115/109 bertarikh 26 Mac 1903” hendaklah dibelanjakan seperti berikut :
 - i. Mengadakan kenduri setahun sekali.
 - ii. Baki wang pendapatan daripada hasil tanah lot tersebut hendaklah digunakan untuk saraan Haji Jawahir, Sahyah, Halimah, Etam, Nah, Abdul Rahman, Zainah dan keturunan mereka.
5. Segala hasil gantian daripada harta gantian wakaf (Istibdal) hendaklah dibelanjakan mengikut surat amanah “Trust Deed 115/109 bertarikh 26 Mac 1903” seperti yang telahpun disebutkan.

(16 Jun 2003)

**PEMBELIAN PREMIS-PREMIS ZAKAT, MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG DI NO. 40 DAN 40-A, JALAN LIM EOW
THOON, PULAU PINANG**

Keputusan

Mesyuarat bersetuju dengan perkara ini dan membenarkan pembelian premis-premis tersebut oleh Bahagian Sumber Am, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dengan kadar yang ditentukan sendiri oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

(16 Jun 2003)

PERMOHONAN SOLAT JUMAAT SEMENTARA DI KAMPUS TETAP UNIVERSITI TEKNOLOGI (UiTM), CAWANGAN PULAU PINANG

Keputusan

1. Mesyuarat bersetuju membenarkan solat Jumaat sementara didirikan di Kampus UiTM berkenaan kerana masjid yang berdekatan tidak dapat menampung keseluruhan jumlah pelajar UiTM.
2. Mesyuarat juga mengambil kira agar pihak UiTM membenarkan orang-orang Islam yang tinggal berdekatan dibenarkan masuk mendirikan solat Jumaat bersama-sama.
3. Mesyuarat juga mengambil kira agar para Imam dan Bilal yang dilantik perlu melepasi syarat kelayakan yang ditetapkan oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

(5 November 2003)

KEDUDUKAN MAKAM SAIDINA KAFUL ALI BAGI PEMBINAAN LINGKARAN LUAR PULAU PINANG (PORR) DI KAWASAN JALAN JASSELTON, PULAU PINANG

Keputusan

1. Mesyuarat bersetuju agar makam tersebut dipindahkan ke kawasan perkuburan awam berdekatan.
2. Mesyuarat mengambil kira hukum harus memindahkan kubur atas sebab kepentingan negara dan mengelakkan berlaku perbuatan-perbuatan khurafat yang berkemungkinan dilakukan di tapak perkuburan berkenaan.

3. Mesyuarat juga bersetuju dengan tawaran pindah Pemaju Projek Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) untuk menghadiahkan tanah seluas 1-2 ekar kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) sebagai ganti pemindahan Makam Saidina Kaful Ali.

(5 November 2003)

ISU PENJUALAN PASIR/TANAH DI TAPAK PEMBINAAN MAAHAD MASHOOR ISLAMI, BALIK PULAU, PULAU PINANG

Keputusan

1. Mesyuarat telah mengambil maklum berhubung isu penjualan pasir oleh Balik Pulau Utama Corporation dan melarang sama sekali pasir tersebut dibawa keluar dari Tapak Pembinaan Maahad Al-Mashoor. Kebenaran mengorek pasir hanya bagi tujuan pembinaan bangunan Maahad Al-Mashoor sahaja selepas mendapat kelulusan pihak MAINPP.
2. Mesyuarat mendesak agar pihak pemaju memberhentikan serta merta kerja-kerja mengorek pasir di atas tapak pembinaan Maahad Al Mashoor sehingga mendapat kelulusan daripada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).
3. Mesyuarat juga memohon Balik Pulau Utama Corporation menubuhkan Badan Penilai Profesional untuk mentaksirkan jumlah pasir yang telah dibawa keluar atau dijual dan mengembalikan hasil jualan tersebut kepada pihak MAINPP.

(5 November 2003)

CADANGAN MAINPP UNTUK MEMBAYAR BALIK PINJAMAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN KEWANGAN DARIPADA AKAUN TAWAQQUF DI BAWAH PENTADBIRAN PUSAT URUS ZAKAT

Keputusan

1. Mesyuarat bersetuju tidak membenarkan bayaran balik pinjaman dibuat menggunakan peruntukan Akaun *Tawaqquf*.
2. Mesyuarat mengambil kira asas pengagihan kutipan zakat kepada lapan asnaf yang berkenaan sahaja. Manakala bayaran balik kepada pinjaman Akaun *Tawaqquf* pula tidak dapat ditentukan masanya yang mana jumlah keseluruhan pinjaman tersebut perlu diselesaikan pada tahun berkenaan pinjaman dibuat.
3. Mesyuarat juga mengambil kira faktor bayaran pinjaman sepatutnya dibuat pada tahun 2005, bermakna isu bayaran balik pinjaman belum sampai ke tahap kritikal.

(5 November 2003)

PENGHARAMAN BUKU-BUKU TULISAN SAUDARA RASUL DAHRI YANG TELAH DIPERAKUI HARAM

Keputusan

Mesyuarat bersetuju mengharamkan buku-buku tulisan Saudara Rasul Dahri yang jelas bercanggah dengan Garis Panduan Penapisan Bahan-Bahan Penerbitan berunsur Islam kerana menimbulkan kontroversi dan suasana tidak harmoni dalam masyarakat.

(5 November 2003)

PENANGGUHAN SEMBAHYANG DI MASJID ALIMSAH WALEY, LEBUH CHULIA DI LOT 1056 DAN 1057, SEKSYEN 18, DAERAH TIMUR LAUT

Keputusan

1. Mesyuarat membenarkan agar solat waktu harian dan solat Jumaat di masjid berkenaan ditangguhkan sehingga projek pembangunan yang dijalankan selesai.
2. Mesyuarat memberi kebenaran solat Jumaat dilakukan di surau yang berhampiran iaitu surau Madrasah Anjiman Himayah Al-Islam, No. 507 Jalan Chulia untuk sementara sehinggalah Masjid Alimsah Waley boleh digunakan semula.

(5 November 2003)

CADANGAN MENDAHULUKAN WANG TAWAQQUF MAINPP BAGI MENAMPUNG PERUNTUKAN KERAJAAN NEGERI UNTUK MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN YANG DIBIYAI BERSAMA OLEH KERAJAAN NEGERI DAN PERSEKUTUAN

Keputusan

1. Mesyuarat bersetuju menangguhkan kertas cadangan berkenaan kerana pembentang berkenaan tidak hadir bagi membentangkan kertas tersebut.
2. Semua Ahli Jawatankuasa Syariah bersetuju mendahulukan Wang *Tawaquf* MAINPP bagi maksud berkenaan melalui surat pekeliling yang telah dikeluarkan kepada semua ahli Jawatankuasa Syariah pada 2 Disember 2003 yang lalu (Ruj. Bil. (31) dlm. JMN/PP/2/006 Jld.8).

3. Keputusan mesyuarat bersetuju mensyaratkan agar diwujudkan satu memorandum persefahaman antara Kerajaan Negeri dan MAINPP berhubung terma-terma pembayaran balik oleh pihak Kerajaan Negeri kepada pihak MAINPP dalam tempoh yang telah ditetapkan. Perkara ini telah dimaklumkan kepada pihak Pengurus Besar PUZ, Pulau Pinang dan semua Ahli Majlis Mesyuarat MAINPP. (Rujuk surat pekeliling Bil. (27) dlm. JMN/PP/2/006 Jld.8).

(5 November 2003)

**RAYUAN MEMBINA SURAU DI BAWAH BANGUNAN PANGSAPURI
UNTUK CADANGAN PEMAJUAN BAGI PROJEK-PROJEK PPR DI
ATAS TAPAK SEBAHAGIAN TANAH KERAJAAN SEKSYEN 3, BANDAR
BUTTERWORTH, AMPANG JAJAR, SEBERANG PERAI UTARA UNTUK
TETUAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

Keputusan

1. Mesyuarat sebulat suara menolak permohonan rayuan tersebut kerana didapati bertentangan dengan Garis Panduan Perancangan Tempat Ibadat Islam, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).
2. Keputusan mesyuarat berhubung dengan perkara tersebut telahpun dimaklumkan kepada Pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

(5 November 2003)

PENGECUALIAN MENYEDIAKAN TAPAK MASJID SELUAS 2 EKAR DAN DIGANTIKAN DENGAN TAPAK SURAU SELUAS 15,026.37 KAKI PERSEGI SERTA BANGUNAN DAN SUMBANGAN TUNAI (MENGIKUT NILAI SEMASA) BAGI GANTIAN TAPAK MASJID SELUAS 72,093.63 KAKI PERSEGI BAGI CADANGAN PERUMAHAN YANG TERDIRI DARIPADA 975 UNIT KEDIAMAN PELBAGAI DI ATAS LOT-LOT 472, 481, 482, 492, 523, 1396, 1397, 1408, 1411, 1412, 1921, 1931-1933, 2248, 2249, SEBAHAGIAN LOT 473, 477, 1404, 1407, 1923, 1930, MUKIM 6, SPT, PULAU PINANG UNTUK TETUAN BENAR PRIMA RESOURCES SDN. BHD.

Keputusan

1. Mesyuarat telah mengambil keputusan menolak rayuan Pengecualian Menyediakan Tapak Masjid oleh pihak pemaju berkenaan selaras dengan ketetapan Garis Panduan Tempat Ibadat Islam yang telah ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.
2. Memandangkan keseluruhan unit pembangunan ini adalah sebanyak 975 unit, maka pemaju dikehendaki menyediakan sebuah tapak masjid dengan keluasan sekurang-kurangnya 2 ekar dan juga masjid-masjid yang berhampiran tidak mampu menampung ahli jemaah yang semakin bertambah.
3. Keputusan mesyuarat berhubung dengan perkara ini telahpun dimaklumkan kepada Pihak Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

(5 November 2003)

CADANGAN MENDIRIKAN SOLAT JUMAAT SEMENTARA DI SURAU BATALION KE 2, REJIMEN ASKAR MELAYU DIRAJA, KEM SUNGAI ARA, BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

Keputusan

1. Keputusan mesyuarat adalah bersetuju membenarkan berhubung dengan perkara ini dan juga memaklumkan kepada Mesyuarat Majlis Agama Islam Pulau Pinang yang bermesyuarat pada 28 Januari 2004 yang lalu dan pihak PTA Daerah Balik Pulau.
2. Satu lawatan tapak oleh SS Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama Urusetia terlibat telahpun dijalankan sebelum kebenaran rasmi kepada pihak pentadbiran kem dikeluarkan pada 11 Februari 2004 yang lalu.
3. Kebenaran mengenai perkara ini telahpun dimaklumkan kepada pihak Jabatan Agama Islam Pulau Pinang dan Pejabat Agama Daerah Barat Daya.

(5 November 2003)



Himpunan
Keputusan
FATWA

Negeri Pulau Pinang

Tahun
2004

STATUS TANAH LOT 25, MUKIM 1, SEBERANG PERAI TENGAH (TANAH PERKUBURAN LAMA MASJID TIMAH)

Keputusan

1. Mesyuarat bersetuju berhubung perkara tersebut agar dipindahkan ke kawasan Qaryah Masjid Timah dengan kos perpindahannya ditanggung sepenuhnya oleh pihak pemaju Pen. Sutera Dev. Sdn. Bhd. mengikut kaedah hukum Syarak.
2. Mesyuarat telah bersetuju memohon pihak pemaju Pen. Sutera Dev. Sdn. Bhd. menggantikan semula tapak perkuburan lain dalam qaryah tersebut bagi kegunaan ahli qaryah Masjid Timah.
3. Keputusan ini belum dapat dilaksanakan berikutan beberapa masalah teknikal di antara pihak pemaju Pen. Sutera Dev. Sdn. Bhd dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

(2 Julai 2004)

STATUS TAPAK MASJID TIMAH LOT 559, MK. 6, SEBERANG PERAI TENGAH

Keputusan

1. Mesyuarat mengambil keputusan bersetuju menerima tanah yang diwakafkan oleh pihak waris hanyalah tapak masjid asal berukuran 95 x 75 kaki persegi dan bukan keseluruhannya.

2. Keputusan mesyuarat bersetuju untuk menyerahkan beban tanggungjawab kepada MAINPP bagi membayar semula pampasan kepada waris tanah tersebut atas kesilapan memindahmilik keseluruhan Lot 559 iaitu tapak Masjid Timah atas nama MAINPP dan bersetuju bagi sebahagian tanah tersebut untuk dijadikan tanah perkuburan Islam bagi Qaryah Masjid Timah.
3. Isu ini adalah berkaitan dengan perkara Status Tanah Lot 25, Mk. 1, SPT (Tanah Perkuburan Lama Masjid Timah), iaitu belum dapat dilaksanakan.

(2 Julai 2004)

BAIKPULIH BANGUNAN MASJID LAMA KAMPUNG BATU UBAN, PULAU PINANG

Keputusan

1. Mesyuarat mengambil maklum berhubung dengan perkara ini bagi tujuan pemuliharaan dan mengekalkan bahan bukti warisan sejarah negara dan bersetuju memberi kebenaran kepada pihak Jabatan Muzium dan Antikuiti untuk melaksanakan kerja-kerja baikpulih Bangunan Masjid Lama Kampung Batu Uban dengan syarat tidak mengganggu aktiviti solat terutamanya solat Jumaat.
2. Berhubung dengan keputusan mesyuarat mengenai perkara ini telahpun dimaklumkan kepada pihak Jabatan Muzium dan Antikuiti, Kuala Lumpur.

(2 Julai 2004)

MENGADAKAN SOLAT JUMAAT SETIAP MINGGU DI MASJID MELAYU DAN MASJID KAPITAN KELING

Keputusan

1. Mesyuarat bersetuju berhubung dengan perkara tersebut bagi mengekalkan amalan biasa masakini iaitu solat Jumaat terus dilakukan secara bergilir sehingga pembangunan serta persempadanan semula di antara kedua-dua masjid berkenaan selesai dilaksanakan.
2. Berhubung dengan keputusan mesyuarat mengenai perkara ini telahpun dimaklumkan kepada pihak JAIPP dan Pejabat Agama Daerah Timur Laut

(2 Julai 2004)

RAYUAN PENGECUALIAN TAPAK MASJID SELUAS 3.5 EKAR BAGI PEMBANGUNAN YANG MENGANDUNGI 3639 UNIT KEDIAMAN DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 282 DI BATU KAWAN, MK. 13, DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN OLEH ABAD NALURI SDN. BHD.

Keputusan

1. Mesyuarat bersetuju bagi menolak permohonan rayuan oleh Abad Naluri Sdn. Bhd. disebabkan oleh keadaan masjid yang ada terlalu sempit dan tidak dapat menampung pertambahan penduduk berikutan pembangunan yang dijalankan dan mengambil kira kedudukan tapak pembangunan tersebut jauh berbanding pelan cadangan tapak masjid yang akan dibangunkan oleh pihak PDC.

2. Keputusan mengenai perkara ini telahpun dimaklumkan kepada pihak Abad Naluri Sdn. Bhd. Dan PDC.

(2 Julai 2004)

PERMOHONAN MENDIRIKAN SOLAT JUMAAT SEMENTARA DI INSTITUSI KEMAHIRAN BELIA NEGARA, BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH

Keputusan

1. Mesyuarat bersetuju membenarkan berhubung dengan perkara di atas alasan bahawa masjid yang berdekatan tidak dapat menampung jemaah serta menjaga kepentingan dan keselamatan para pelajar di institut berkenaan.
2. Kebenaran mengenai perkara ini telahpun dimaklumkan setelah mendapat sokongan atas permohonan ini daripada Pejabat Agama Daerah Bukit Mertajam, SPT

(2 Julai 2004)

MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA MASJID JAMEK SUNGAI PINANG, DAERAH TIMUR LAUT

Keputusan

1. Mesyuarat bersetuju berhubung dengan perkara ini dengan alasan masjid yang sedia ada terlalu sempit dan tidak dapat

menampung jumlah jemaah yang semakin bertambah dan bersetuju mendirikan solat Jumaat sementara di Masjid Maqbul yang berdekatan dan masih lagi dalam qaryah yang sama.

2. Berhubung dengan keputusan mesyuarat mengenai perkara ini telahpun dimaklumkan kepada pihak Jabatan Agama Islam Pulau Pinang dan Pejabat Agama Daerah Timur Laut. Pengisytiharan perpindahan telah dibuat oleh wakil Jabatan Mufti Pulau Pinang pada 3 September 2004.

(2 Julai 2004)

MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA MASJID JAMEK AR-RAHMAH, BATU FERINGGHI, DAERAH TIMUR LAUT

Keputusan

1. Mesyuarat bersetuju berhubung dengan perkara ini dengan alasan masjid yang sedia ada terlalu sempit dan tidak dapat menampung jumlah jemaah yang semakin bertambah dan bersetuju mendirikan solat Jumaat sementara di bangunan sementara yang dibina bersebelahan tapak asal masjid lama.
2. Berhubung dengan keputusan mesyuarat mengenai perkara ini telahpun dimaklumkan kepada pihak Jabatan Agama Islam Pulau Pinang dan Pejabat Agama Daerah Timur Laut

(2 Julai 2004)

PENENTUAN JENIS WAKAF TANAH LOT 1065, MK. 4, SEBERANG PERAI TENGAH

Keputusan

1. Mesyuarat bersetuju berhubung perkara tersebut dan memutuskan segala hasil dan manfaat dari aktiviti komersial yang diperolehi melalui tanah tersebut hendaklah diberikan kepada masjid yang berdekatan sebagai menunaikan hasrat pewakaf.
2. Mesyuarat juga bersetuju memberi kebenaran menggunakan bayaran pampasan pengambilan balik tanah Lot 1066, Mk. 4, SPT untuk membeli sebahagian tanah bagi pembesaran Masjid Permatang Pauh mengikut kaedah *Istibdal*.
3. Berhubung dengan keputusan mesyuarat mengenai perkara ini telahpun dimaklumkan kepada pihak Unit Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

(11 September 2004)

STATUS TANAH YANG DIGUNAKAN AKTIVITI KEAGAMAAN (MASJID, SURAU, TANAH PERKUBURAN DAN SEKOLAH AGAMA) YANG TIDAK MEMPUNYAI DOKUMEN ATAU SIGHAH

Keputusan

1. Mesyuarat telah memutuskan berhubung dengan perkara di atas bahawa :
- 2.

- i. Sesuatu harta itu dikira sebagai wakaf jika terdapat sebarang bukti yang menunjukkan ianya merupakan wakaf seperti saksi dan *qarinah*.
 - ii. Jika tiada sebarang bukti yang menunjukkan ianya harta wakaf, maka keputusan mesyuarat memutuskan bagi kawasan kubur umum dan masjid maka ia dianggap sebagai wakaf menurut kepada sifat penggunaannya dengan mengambil kira dari pandangan Mazhab Hambali dalam Kitab *Al-Fiqh Al-Islami Waadillatuh* karangan Dr. Wahbah Az-Zuhaily juzuk 8 dalam bab Wakaf (hal. 204).
 - iii. Manakala bagi kawasan selain daripada kubur umum dan masjid, mesyuarat memutuskan bahawa harta tersebut perlu dibuktikan terlebih dahulu sebelum mengisytiharkan ianya harta wakaf berdasarkan dari Kitab *بُغْيَةُ الْمُسْتَرَشِدِينَ* (*Bughiyah al-Mustarsyidin*)
3. Berhubung dengan keputusan mesyuarat mengenai perkara ini telahpun dimaklumkan kepada pihak Unit Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

(11 September 2004)

PERPINDAHAN TANAH PERKUBURAN LOT 25, MK.1, SPT (TANAH PERKUBURAN LAMA, MASJID TIMAH)

Keputusan

1. Mesyuarat bersetuju memberi kebenaran berhubung dengan perkara tersebut kepada pihak pemaju Pen. Sutera Sdn. Bhd. untuk memindahkan perkuburan lama Lot 25 Mukim 1, SPT ke tanah perkuburan Masjid Seberang Jaya mengikut situasi semasa.
2. Keputusan juga memutuskan bayaran saguhati yang perlu dibayar oleh pemaju tersebut adalah berdasarkan kepada harga penilaian semasa bagi keluasan tanah seluas 0.7170 ekar.
3. Berhubung dengan keputusan mesyuarat mengenai perkara ini telahpun dimaklumkan kepada pihak pemaju Pen. Sutera Sdn. Bhd. dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

(11 September 2004)

MENGADAKAN SOLAT JUMAAT SECARA BERGILIR ANTARA MASJID KG. PAYA DAN MASJID DAERAH BARAT DAYA

Keputusan

1. Mesyuarat bersetuju menolak cadangan mengenai perkara ini dengan mengambil kira pandangan satu solat Jumaat sahaja di satu-satu qaryah sekiranya satu tempat solat Jumaat itu dapat menampung ahli Jemaah.

2. Berhubung perkara ini telahpun dimaklumkan pada PTA Daerah Barat Daya.

(11 September 2004)

PERMASALAHAN PEMBINAAN DEWAN MASYARAKAT YANG DIDAKWA TERBINA DI ATAS PERKUBURAN LAMA, KG. MAKAM.

Keputusan

1. Mesyuarat memutuskan bahawa tidak wujud perkuburan lama di bawah tapak Dewan Masyarakat Kg. Makam seperti yang didakwa berdasarkan alasan berikut :
 - i. Keterangan saksi yang bercanggah dan kurang menyakinkan dalam bagi dakwaan tersebut.
 - ii. Tiada tuntutan waris yang menuntut bahawa wujud perkuburan tersebut dan keterangan saksi bahawa tempat tersebut pernah dijadikan tempat untuk kenduri, bersilat serta permainan kanak-kanak sekitar tahun 1960-an.
 - iii. Rekod Polis Diraja Malaysia telah mendapati bahawa pertikaian yang wujud adalah merujuk kepada bantahan pembinaan petrol pam yang didalangi oleh kapitalis Cina yang dianggap bertentangan dengan kepentingan tanah wakaf dan tidak berbangkit isu tanah perkuburan di tapak tersebut.
 - iv. Berpandukan dua kaedah fiqh yang bermaksud :

ان البينتين إذا تعارضتا : تهاترتا وسقطتا

Bermaksud : Apabila terdapat dua keterangan yang berlawanan antara kedua-duanya, nescaya dusta dan gugurlah kedua-dua keterangan tersebut.

الأصل في الصفات العارضة العدم

Bermaksud : Asal pada perkara-perkara yang baru datang adalah tiada.

2. Berhubung dengan perkara ini telahpun dimaklumkan kepada pihak Unit Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

(9 Oktober 2004)

CADANGAN UNTUK MENGADAKAN SOLAT JUMAAT SEMENTARA DI SURAU DESA BAIDURI, DAERAH TIMUR LAUT.

Keputusan

1. Mesyuarat bersetuju mengesahkan ia Bandar Baru sebagai satu qaryah baru yang berasingan dan terpisah daripada Qaryah Paya Terubong dan memohon pihak Pejabat Agama Daerah Timur Laut menyediakan satu pelan Qaryah Bandar Baru dan kawasan-kawasan yang termasuk dalam qaryah tersebut untuk mendapatkan persetujuan MAINPP.
2. Keputusan mesyuarat bersetuju membenarkan solat Jumaat sementara diadakan di Surau tersebut sehingga bangunan masjid kekal didirikan.

3. Berhubung dengan keputusan mesyuarat mengenai perkara ini telahpun dimaklumkan kepada pihak PTA Daerah Timur Laut dan satu perjumpaan antara AJK Surau berkenaan dengan Mufti Negeri Pulau Pinang telah diadakan pada 4 Nov. 2004 yang lalu bagi menjelaskan proses menjalankan solat Jumaat di surau berkenaan.

(9 Oktober 2004)

MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA MASJID TELAGA AIR, BUTTERWORTH.

Keputusan

1. Mesyuarat bersetuju memberi kebenaran berhubung dengan perkara tersebut untuk menutup masjid tersebut setelah mengambilkira kepada keselamatan para jemaah yang menggunakan masjid tersebut dan perakuan daripada Jabatan Kerja Raya yang mengesahkan bahawa struktur bangunan masjid berkenaan tidak selamat.
2. Keputusan mesyuarat memutuskan bahawa solat Jumaat sementara akan diadakan di Surau Kuarters Polis, Butterworth sepanjang tempoh penutupan Masjid Telaga Air dan sehingga masjid baru siap dibina.
3. Berhubung dengan keputusan mesyuarat mengenai perkara ini telahpun dimaklumkan kepada pihak PTA Daerah Butterworth

(9 Oktober 2004)

ISU PEMBINAAN DI ATAS PERKUBURAN DI TANAH PERKUBURAN LEBAI DERAMAN, TANAH LIAT, BUKIT MERTAJAM, SPT

Keputusan

Mesyuarat telah mengambikmaklum berhubung perkara ini dan memutuskan sebarang bentuk binaan di atas kawasan Perkuburan Awam adalah dilarang dan wajib dirobohkan

berdasarkan :

1. Hadis Rasulullah SAW :

نهى رسول الله (ص) أن يخصص القبر وأن يفعد عليه وأن يبنى عليه
(رواه مسلم)

Maksudnya: Rasulullah SAW menegah daripada mengkapurkan (mengecat) kubur dan duduk di atasnya serta mendirikan binaan di atasnya.

2. Berdasarkan kitab *I'anah At-Tholibin*, 2/188

(23 November 2004)

RAYUAN MEROBOKH DAN MEMBINA SEMULA MASJID JAMEK PEKAN DARAT, DAERAH SEBERANG PERAI UTARA

Keputusan

1. Mesyuarat mengambil maklum mengenai perkara ini dan mendapati tiada keperluan mendesak bagi merobokh bangunan masjid tersebut yang masih selamat dan boleh digunakan dan dapat menampung bilangan jemaah yang hadir terutamanya solat Jumaat.
2. Mesyuarat memutuskan bahawa pertimbangan akan diberi jika bangunan masjid baru yang akan didirikan mempunyai keluasan yang lebih berbanding dengan yang sedia ada.

(23 November 2004)

CADANGAN PENUBUHAN QARYAH TAMAN BERTAM, KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA.

Keputusan

1. Mesyuarat mengambil maklum mengenai perkara ini dan bersetuju membenarkan penubuhan qaryah baru Taman Bertam Indah, Kepala Batas dan memberi kebenaran menggunakan Surau At-Taqwa, Taman Bertam Indah sebagai tempat sementara menunaikan solat Jumaat untuk qaryah tersebut.

2. Mesyuarat membenarkan pembinaan Masjid Baru di atas Lot 3280, seluas 3.4 ekar khusus untuk Qaryah Taman Bertam Indah, Kepala Batas, SPU.

(23 November 2004)

RAYUAN PEMBINAAN MASJID PEKAN DARAT DI ATAS LOT 1774, MUKIM 7, SEBERANG PERAI UTARA

Keputusan

1. Mesyuarat mengambil maklum berhubung perkara ini dan memutuskan untuk memberi kebenaran meroboh dan membina semula Masjid Pekan Darat, Daerah Butterworth berdasarkan keterangan dan alasan-alasan yang dikemukakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya.
2. Mesyuarat bersetuju juga membenarkan solat Jumaat dilakukan di bangunan Sekolah Agama Pekan Darat sepanjang tempoh pembinaan Masjid Baru Pekan Darat dijalankan.

(20 Disember 2004)

PERMOHONAN UNTUK MEROBOK SEBAHAGIAN DARI BALAI LINTANG DAN MEMBINA SEMULA BALAI TERSEBUT DI MASJID JAMEK PERMATANG KERIANG, PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA.

Keputusan

1. Mesyuarat mengambil maklum berhubung perkara ini dan memutuskan memberi kebenaran merobok dan membina semula balai lintang Masjid Permatang Keriang, Daerah Seberang Perai Utara.
2. Mesyuarat memutuskan bahawa pelupusan bahan-bahan lama binaan balai lintang tersebut perlu mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Syariah dan mencadangkan satu garisan tanda atau sebagainya dibuat bagi membezakan di antara bangunan masjid dengan balai lintang.

(20 Disember 2004)

RAYUAN PENGECCUALIAN PEMBINAAN SURAU SECARA FIZIKAL BAGI PEMBANGUNAN YANG MENGANDUNGI 61 UNIT PANGSAPURI MEWAH DAN 2 UNIT TOWNHOUSE DI ATAS LOT 1252, SEK.4, DTL, GEORGETOWN, PULAU PINANG OLEH IKATAN AWANA SDN BHD.

Keputusan

Mesyuarat mengambil maklum berhubung dengan perkara tersebut dan bersetuju untuk memberi pengecualian kepada pihak pemaju untuk tidak menyediakan surau, dengan syarat

pihak pemaju dikehendaki memberi sumbangan mengikut nilai semasa harga tapak dan bangunan sebagai ganti rugi.

(20 Disember 2004)

RAYUAN PERMOHONAN SURAT SOKONGAN UNTUK KELUARAN SIJIL LAYAK MENDUDUKI BAGI KERJA-KERJA TELAH DIJALANKAN UNTUK PELAN PINDAAN KEPADA (Rujukan Kepada Pelan Kelulusan No. 35261 Bertarikh 18 Disember 1998) SEBUAH RUMAH PANGSA JENIS KOS SEDERHANA (700 K.P. Seunit) 96 UNIT YANG SETINGGI 10 TINGKAT DI ATAS LOT 595, SEK.2, DTL, PULAU PINANG OLEH TETUAN LIBIN (Penang) SDN BHD.

Keputusan

1. Mesyuarat mengambil maklum berhubung dengan perkara tersebut dan memutuskan penyediaan surau di kawasan pembangunan tersebut tidak sesuai, penghinaan terhadap umat Islam dan juga tidak memenuhi garis panduan yang telah ditetapkan pihak Majlis Agama Islam Pulau Pinang.
2. Mesyuarat bersetuju menolak pengeluaran surat sokongan sijil layak menduduki bagi pembangunan yang mengandungi 96 unit yang setinggi 10 tingkat di atas lot 595, Sek.2, DTL, Pulau Pinang.
3. Mesyuarat bersetuju memberi pengecualian kepada pihak pemaju untuk tidak menyediakan surau, dengan syarat pihak pemaju dikehendaki memberi sumbangan mengikut nilai semasa harga tapak dan bangunan sebagai ganti rugi.

(20 Disember 2004)

PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG UNTUK MENDIRIKAN RUMAH TERES 3 TINGKAT (33 Unit) DAN 1 BLOK PANGSAPURI 18 TINGKAT (60 Unit) DI ATAS LOT 1265, 1266 DAN SEBAHAGIAN LOT 1267, MUKIM 13, DTL, PULAU PINANG OLEH TETUAN AURORA PROPERTIES SDN BHD.

Keputusan

1. Mesyuarat telah mengambil maklum berhubung dengan perkara tersebut dan memutuskan bahawa kedudukan gymnasium yang terletak di atas surau didapati tidak sesuai walaupun keadaan surau tersebut menepati garis panduan yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Pulau Pinang.
2. Keputusan mesyuarat adalah agar pihak pemaju dapat mengosongkan bahagian tingkat atas surau tersebut daripada sebarang aktiviti.

(20 Disember 2004)

RAYUAN PENGECUALIAN PENYERAHAN TAPAK SURAU DAN PENGECUALIAN BAYARAN SUMBANGAN KEWANGAN UNTUK BANGUNAN SURAU BAGI PEMBANGUNAN 9 UNIT 2 TINGKAT RUMAH TERES DI ATAS LOT 783 DAN CADANGAN SKIM PERUMAHAN YANG MENGANDUNGI 44 UNIT RUMAH TERES 2 TINGKAT DAN 18 UNIT (Rumah Pangsa) DI ATAS LOT 243, MUKIM 11, JALAN SUNGAI BATU, DAERAH BALIK PULAU, PULAU PINANG OLEH TETUAN KOTA WIRA INDAH SDN BHD.

Keputusan

Mesyuarat telah mengambil maklum berhubung dengan perkara tersebut dan memutuskan menolak permohonan

pengecualian surau yang dibuat. Pihak pemaju dikehendaki memberi sumbangan mengikut nilai semasa harga tapak dan harga bangunan sebagai ganti rugi.

(20 Disember 2004)



Himpunan
Keputusan
FATWA

Negeri Pulau Pinang

Tahun
2005

CADANGAN PEMASANGAN STESYEN PEMANCAR CELCOM DI MENARA MASJID TENGAH, JALAN BERAPIT, BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH

Keputusan

Mesyuarat mengambil maklum berhubung perkara ini dan memutuskan bahawa :

1. Hukum pemasangan dan menerima wang sewaan pemasangan stesyen pemancar telekomunikasi adalah harus.
2. Mengenai harta wakaf sekiranya hendak dibangunkan pihak qaryah perlu mendapat persetujuan MAINPP iaitu pihak yang memegang amanah.

(7 Mac 2005)

PERMOHONAN UNTUK MENDIRIKAN SOLAT JUMAAT SEMENTARA DI SURAU KEM SYURUZ SEBERANG PERAI TENGAH, BUKIT MERTAJAM

Keputusan

Mesyuarat mengambil maklum berhubung perkara ini dan memutuskan bahawa permohonan ini tidak dapat dipertimbangkan, berdasarkan kepada alasan yang dinyatakan amat lemah.

(7 Mac 2005)

PERMOHONAN UNTUK MEROBOK DAN MEMBINA BANGUNAN TAMBAHAN MASJID SUNGAI BURUNG, BALIK PULAU, PULAU PINANG

Keputusan

1. Mesyuarat telah mengambil maklum berhubung dengan perkara tersebut dan memutuskan bersetuju membenarkan kerja-kerja merobok balai lintang dan membina bangunan tambahan masjid tersebut. Manakala pelupusan bahan-bahan lama binaan tersebut perlu mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Syariah sebelum ini
2. Mesyuarat mengambil peringatan supaya pihak qaryah menentukan sama ada tempat tersebut adakah termasuk sebagai masjid atau tidak.

(7 Mac 2005)

CADANGAN PENETAPAN KADAR ZAKAT TANAMAN (PADI).

Keputusan

1. Mesyuarat mengambil maklum berhubung dengan perkara ini dan bersetuju memutuskan perkara tersebut adalah seperti berikut :
 - i. Kadar zakat tanaman padi ialah 10% jika sampai nisab setelah ditolak kos penyelenggaraan pengurusan.

- ii. Pihak Pusat Urus Zakat, MAINPP dipohon supaya menyediakan garis panduan bagi kadar kos peyelenggaraan pengurusan.
- iii. Mengenai subsidi pada jenis tanaman tersebut mesyuarat bersetuju bahawa dikenakan zakat atas kadar 2.5% sebagai wang *mustafad*.
2. Keputusan mesyuarat juga mencadangkan mengenai kadar zakat “Uruf Perhiasan Emas” perlu dibuat kajian semula memandangkan kadar 165 gram adalah agak rendah.

(7 Mac 2005)

PERMOHONAN UNTUK MENDIRIKAN TADIKA ISLAM DI ATAS TANAH WAKAF LOT 121, MUKIM 7, SEBERANG PERAI UTARA.

Keputusan

1. Mesyuarat mengambil maklum berhubung dengan perkara ini dan mendapati tanah wakaf tersebut adalah tanah Wakaf Khas (untuk tanah perkuburan).
2. Mesyuarat mengesyorkan supaya surau yang sedia ada tersebut perlu dibaikpulih atau dibangunkan semula dan di tanah lot tersebut dipagar dan aktiviti permainan bola dihentikan.
3. Mesyuarat juga mengambil perhatian bahawa tanah tersebut perlu dibuat kajian dengan mengenalpasti kawasan yang ada kubur di dalam tanah lot 121 tersebut.

(7 Mac 2005)

CADANGAN MENGGUNAPAKAI TANAH-TANAH DAN BANGUNAN “RESERVE” SURAU / MASJID UNTUK LAIN-LAIN KEGUNAAN

Keputusan

Mesyuarat mengambil maklum berhubung dengan perkara ini dan memutuskan bahawa :

1. Tanah-tanah “Reserve” surau boleh digunapakai untuk perkara-perkara lain, dengan syarat tidak bercanggah dengan hukum Syarak
2. Bagi bangunan yang sedia ada dan tidak digunakan, maka hendaklah diimarahkan.

(7 Mac 2005)

RAYUAN MENGADAKAN SOLAT JUMAAT SEMENTARA DI PUSAT ISLAM, POLITEKNIK SEBERANG PERAI TENGAH.

Keputusan

1. Mesyuarat mengambil maklum berhubung perkara ini dan memutuskan bahawa menerima rayuan tersebut dan akan dikemukakan kepada pihak MAINPP.
2. Mesyuarat memutuskan juga jika Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP) meluluskannya, maka solat Jumaat hendaklah diadakan setiap Jumaat, walaupun semasa cuti persekolahan.

(5 April 2005)

MOHON PENJELASAN MENGENAI ISU WANITA YANG DALAM KEADAAN HAID, HADIR MENDENGAR CERAMAH AGAMA DALAM MASJID ATAU DI BALAI LINTANG

Keputusan

Mesyuarat mengambil maklum berhubung perkara ini dan memutuskan mengikut kaedah hukum Fiqh bahawa :

1. Wanita yang berada dalam keadaan haid di dalam masjid untuk mendengar ceramah adalah haram.
2. Wanita yang berada dalam keadaan haid di balai lintang, dan sekiranya balai lintang tersebut tidak disifatkan sebagai masjid maka tidak haram.
3. Balai Lintang tersebut hendaklah ditentukan statusnya dengan merujuk kepada pelan pembangunan.

(5 April 2005)

BAYARAN BALIK BAKI WANG PINJAMAN BERJUMLAH RM5,310,017.36 KEPADA JKP SDN. BHD MENGGUNAKAN PERUNTUKAN DARIPADA AKAUN TAWAQQUF.

Keputusan

Mesyuarat telah mengambil maklum berhubung dengan perkara tersebut dan menerima Tabung *Tawaqquf* membeli harta tersebut dengan nilai RM5,310,017.36 dan jika MAINPP memerlukan

semula tanah tersebut, maka hendaklah membeli balik dengan cara :

1. Membeli dengan kadar harga yang memberi manfaat atau keuntungan kepada Tabung *Tawaqquf*,
2. Menyerahkan sejumlah tanah yang setaraf dengan nilai jumlah harga pada (a).

(5 April 2005)

CADANGAN MENGGUNAKAN WANG TAWAQQUF BAGI PEMBELIAN TANAH LOT 3800 DAN 3801, MK.12, SPU UNTUK DIJADIKAN SEBAGAI ASET WAKAF MELALUI SUMBER DAN DANA WAKAF

Keputusan

Mesyuarat mengambil maklum berhubung dengan perkara ini dan bersetuju memutuskan perkara tersebut seperti berikut :

1. Tabung *Tawaqquf* membeli tanah tersebut dengan kadar RM1,173,307.479 berdasarkan nilai RM8.50 sekaki persegi atau jika boleh atas kadar nilai RM8.00 sekaki persegi.
2. *Tawaqquf* hendaklah menjual semula tanah tersebut kepada orang ramai bagi tujuan wakaf mengikut kaki persegi atau yang bersesuaian.

(5 April 2005)

PERMOHONAN UNTUK MEROBOKH DAN MEMBINA SEMULA BANGUNAN DUA TINGKAT MASJID JAMEK TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA

Keputusan

Mesyuarat mengambil maklum berhubung dengan perkara ini dan memutuskan :

1. Supaya meluluskan permohonan tersebut dengan syarat pihak AJK Pembangunan memastikan, bahawa peruntukan yang diperlukan mencukupi
2. Sebelum pembangunan dimulakan, pihak berkenaan hendaklah mengemukakan pelan cadangan pembangunan masjid terlebih dahulu kepada Jawatankuasa Syariah bagi tujuan mematuhi keperluan mengikut kaedah hukum Syarak.

(5 April 2005)

CADANGAN MEMINDAHKAN TANAH KUBUR (DUA KUBUR) YANG TERLETAK DI ATAS LOT NO. 322, MK.G, KG.TERANG, BALIK PULAU, PULAU PINANG

Keputusan

Mesyuarat mengambil maklum berhubung dengan perkara ini dan memutuskan bahawa permohonan tersebut diberi kelulusan dengan tanggungan sendiri oleh pihak pemohon.

(5 April 2005)

CADANGAN UNTUK MENUBUHKAN QARYAH BARU, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG

Keputusan

Mesyuarat bersetuju meluluskan permohonan tersebut :

1. Mewujudkan satu qaryah baru di Daerah Timur Laut, iaitu qaryah baru yang ke-32 mengikut persempadanan yang dinyatakan.
2. Pegawai Tadbir Agama Daerah berkenaan hendaklah mengemukakan pelan terlebih dahulu kepada Jawatankuasa Syariah bagi tujuan mematuhi kehendak hukum Syarak.

(5 April 2005)

PERMOHONAN UNTUK MENDIRIKAN SEKOLAH AGAMA RAKYAT DI ATAS TANAH WAKAF LOT 1323, MUKIM 14, SEBERANG PERAI TENGAH.

Keputusan

Mesyuarat mengambil maklum berhubung perkara ini dan memutuskan bahawa berdasarkan fakta-fakta dari pemohon seperti berikut :

1. Tanah wakaf tersebut dinyatakan Wakaf Khas untuk masjid dan tanah perkuburan, oleh itu ianya tidak boleh digunakan untuk tujuan lain.

2. Berdasarkan keperluan, maka dicadangkan supaya ruang balai lintang dan persekitaran ruang tambahan yang dijadikan kelas KAFA di masjid berkenaan dibuat pembesaran yang sesuai untuk dijadikan kelas KAFA.

(24 Jun 2005)

AMALAN SEMBAHYANG TERAWIH EMPAT RAKAT SATU SALAM

Keputusan

Mesyuarat telah mengambil maklum berhubung perkara tersebut dengan penuh teliti dan telah memutuskan bahawa :

1. Amalan tersebut adalah tidak sah mengikut Mazhab Syafie.
2. Satu tindakan khidmat nasihat terhadap para pegawai masjid dan jawatankuasa qaryah yang terlibat perlu dilakukan.

(24 Jun 2005)

RAYUAN PENGECUALIAN PEMBINAAN SURAU SECARA FIZIKAL DAN PENGURANGAN KADAR SUMBANGAN KEPADA MAINPP ATAS KOS PEMBANGUNAN SURAU DARI RM42,000.00.

Keputusan

Mesyuarat memutuskan bahawa perbezaan yang dipohon antara cadangan MAINPP sebanyak RM74,520.00 kepada

RM42,000.00 kurang munasabah bagi pembinaan sebuah surau. Oleh itu mesyuarat mencadangkan sebanyak RM67,068.00 berdasarkan kurang 10% dari kadar asal yang dicadangkan oleh MAINPP.

(Ogos 2005)

PEMBENTANGAN SEMULA CADANGAN PENYEDIAAN MASJID DAN SURAU, BATU KAWAN, MUKIM 13, DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN OLEH PDC.

Keputusan

Mesyuarat memutuskan seperti berikut :

1. Mesyuarat bersetuju menerima cadangan yang dikemukakan. keseluruhannya akan mempunyai pertambahan tiga buah masjid bandar.
2. Walau bagaimanapun, untuk perlaksanaannya hendaklah mematuhi kehendak undang-undang yang telah diperuntukkan di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

(Ogos 2005)

MEMOHON KEBENARAN MELAKSANAKAN SOLAT JUMAAT DI QARYAH MASJID BARU SUNGAI BAKAP DAN MASJID SUNGAI BAKAP, SEBERANG PERAI SELATAN.

Keputusan

Mesyuarat bersetuju memutuskan perkara tersebut seperti berikut :

1. Mesyuarat bersetuju menerima cadangan Solat Jumaat berasingan.
2. Perlaksanaannya bergantung kepada keputusan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.
3. Mesyuarat mencadangkan menerima penetapan persempadanan antara dua qaryah berkenaan dengan mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang .

(Ogos 2005)

PENJADUALAN SOLAT JUMAAT OLEH HIGH ACE INDUSTRIES SDN. BHD

Keputusan

Mesyuarat memutuskan perkara tersebut seperti berikut :

1. Supaya semua pekerja muslim (Lelaki) diberi kelonggaran untuk menunaikan solat Jumaat pada setiap minggu.

2. Jika perlu, masa tersebut diganti atau;
3. Jika keadaan memerlukan hendaklah diganti sementara dengan tenaga bukan muslim .
4. MAINPP hendaklah mengeluarkan pekeliling mengenai perkara tersebut.

(Ogos 2005)

RAYUAN PEMBAYARAN SUMBANGAN DARIPADA RM54,120.00 KEPADA RM10,000.00 OLEH PEMAJU KOTA WIRA INDAH SDN BHD BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN 9 UNIT RUMAH TERES ATAS LOT 738 DAN 44 UNIT RUMAH TERES 2 TINGKAT DAN 16 UNIT RUMAH PANGSA DI ATAS LOT 243.

Keputusan

Mesyuarat memutuskan perkara tersebut dan memutuskan menolak rayuan tersebut dan mengekalkan atas kadar yang asal RM54,120.00

(Ogos 2005)